

Headline	Siap sedia gelombang keempat monsun		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	07 Jan 2024	Language	Malay
Circulation	56,027	Readership	168,081
Section	Nasional	Page No	16
ArticleSize	335 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 33,279		



Siap sedia gelombang keempat monsun

Cameron Highlands: Agensi berkaitan dan penduduk di selatan tanah air diminta berjaga-jaga serta mematuhi prosedur operasi standard (SOP) bagi menghadapi gelombang keempat Monsun Timur Laut (MTL) yang kini beralih ke kawasan selatan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata agensi serta jawatankuasa negeri perlu bersiap siaga untuk mengambil tindakan segera menghadapi bencana dibawa MTL, termasuk banjir.

"Luruan gelombang keempat MTL telah beralih ke selatan. Saya berharap tindakan segera mengikut SOP yang ditentukan NADMA (Agensi Pengurusan Bencana Negara), APM (Angkatan Pertahanan Awam Malaysia) dan lain-lain agensi dapat diikuti oleh semua jawatankuasa serta agensi terbabit," katanya, di sini semalam.

Mengulas lanjut keadaan

banjir di Johor, beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara berkata, jumlah mangsa kembali mencatat peningkatan tetapi dengan kerjasama agensi terbabit, pengurusan banjir didapati semakin baik berdasarkan pengalaman tahun-tahun sebelumnya.

Terdahulu, Ahmad Zahid melawat pusat pemindahan sementara (PPS) Dewan Kampung Orang Asli (KOA) Sungai Ruil yang menempatkan 88 penduduk daripada 17 keluarga yang terkesan susulan insiden tanah runtuh pada tahun lalu.

Sementara itu, beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, kementerian akan memendekkan tempoh perolehan bagi memperbaiki cerun di penempatan Orang Asli Sungai Ruil, Tanah Rata, dekat sini, yang terjejas akibat kejadian tanah runtuh pada 12 Oktober lalu.

Beliau berkata, ia bagi mem-



Ahmad Zahid meninjau keadaan cerun di Kampung Orang Asli Sungai Rui Cameron Highlands.

(Foto ihsan FB TPM)

percepatkan tempoh pembaikan cerun terbabit yang dijangka mengambil masa dua tahun dengan membabitkan peruntukan RM3 juta.

"Oleh kerana tempoh untuk mereka bentuk, perolehan serta penyediaan itu terlalu panjang, kami akan melakukan tindakan bagi memperoleh kelulusan khas untuk memendekkan tempoh perolehan dengan kaedah-kaedah yang diluluskan Kement-

rian Kewangan," katanya.

Ahmad Zahid berkata, beliau sudah diberi jaminan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) bahawa struktur kediaman penduduk terbabit adalah stabil dan kukuh, justeru mereka tidak perlu bimbang jika perlu pulang ke rumah masing-masing apabila tiba masanya nanti.

Dalam pada itu, katanya, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) akan menanggung

sepenuhnya pembayaran sewa kuarters Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi menempatkan 17 keluarga berkenaan, mulai Februari depan.

Beliau berkata, TNB sebelum ini bersetuju menawarkan sewa RM500 seunit serta mengecualikan bayaran deposit sewaan selama tiga bulan dan penduduk berkenaan akan tinggal sementara di kuarters itu selama dua tahun.

BERNAMA